

31 MAY 2001

Mahathir-G15

MAHATHIR GEMBIRA G15 MUNCUL SEBAGAI PERTUBUHAN YANG KUAT

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira yang Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) kini muncul sebagai sebuah pertubuhan yang kuat.

Beliau berkata kumpulan itu kini mampu membuat penghujahan dan bantahan terhadap apa-apa keputusan negara maju yang boleh menjejaskan kepentingan negara membangun.

"Minat terhadap G15 juga semakin meningkat di kalangan negara maju," kata beliau pada persidangan media selepas penutupan persidangan kemuncak G15 kali ke-11 di Pusat Konvensyen Jakarta di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata banyak lagi negara yang ingin menyertai G15 kerana mereka berpendapat kumpulan itu boleh menyuarakan sungutan negara membangun.

"Pada masa ini tidak ada cara untuk menyuarakan pandangan kita mengenai sesuatu keputusan yang dibuat oleh G7 atau G8 yang memberi kesan buruk kepada negara membangun.

"Kita tidak mempunyai cara untuk memberi pendapat kita, oleh itu G15 telah menjadi sebuah pertubuhan yang kuat yang membolehkan kita mengemukakan hujahan kita, membantah atau melahirkan pendapat yang berbeza mengenai perkara-perkara seperti Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir adalah antara tujuh ketua negara dan ketua kerajaan yang menghadiri persidangan kemuncak itu yang dipengerusikan oleh Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid.

Perdana Menteri berkata negara anggota G15 berazam untuk melihat kemajuan dalam kumpulan itu.

"Kami berazam untuk menjadikan G15 lebih berkesan. Dalam tempoh antara mesyuarat-mesyuarat yang diadakan, kami rasa patut ada sebuah agensi penyelarasan," katanya,

Apabila ditanya sama ada Malaysia menganggap penerimaan persidangan itu terhadap cadangannya bagi penubuhan panel pakar untuk mengkaji perubahan yang boleh dilakukan terhadap sistem kewangan antarabangsa sebagai satu kejayaan bagi Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada itu boleh dipanggil kejayaan atau tidak.

"Saya rasa cadangan itu diterima dengan baik oleh semua orang kerana semua orang berpendapat kita sepatutnya menjalankan kajian oleh pakar-pakar itu," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan hasil persidangan itu.

"Kita boleh lihat setiap negara anggota begitu serius dan berazam untuk melaksanakan peranan mereka dengan berkesan dalam rundingan-rundingan yang memberi kesan terhadap negara membangun dan hubungan mereka dengan negara maju," kata beliau.

G15 yang ditubuhkan pada 1989 dianggotai oleh Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Venezuela akan menjadi tuan rumah persidangan yang akan datang di Caracas.

-- BERNAMA

MKO NMO